

25 JUNE 2000

Pelajar-Mesir

JABATAN PENUNTUT TINGKAT PENERANGAN KEPADA PELAJAR MALAYSIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 25 Jun (Bernama) -- Jabatan Penuntut Malaysia di sini merancang mendapatkan pakar dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi dan sejarah untuk memberi penerangan kepada pelajar Malaysia yang merupakan kumpulan asing terbesar menuntut di Mesir.

Pengarahnya Haji Wan Bakar Wan Dagang berkata langkah itu bertujuan "membuka minda" pelajar negara terhadap perkembangan semasa terutama isu-isu menyentuh Malaysia.

Sejumlah 5,676 pelajar Malaysia sedang menuntut di Mesir terutama dalam pengajian agama dan bahasa Arab di Universiti Al-Azhar, universiti tertua di dunia. Enam belas daripada mereka menuntut dalam bidang perubatan di Universiti Kaherah, Universiti Ainsyam dan seorang di Universiti Al-Azhar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan dengan sebilangan pelajar berkenaan di sini Rabu lepas selepas beliau menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15). Tidak semua pelajar dapat menghadiri pertemuan itu kerana peperiksaan.

"Saya nampak keikhlasan Perdana Menteri dalam menjelaskan apa jua persoalan yang dibangkitkan oleh para pelajar," kata Wan Bakar kepada Bernama.

Dr Mahathir juga menyatakan pada pertemuan hampir tiga jam itu bahawa beliau akan mengemukakan masalah pelajar kepada Kabinet terutama Kementerian Pendidikan.

Antara lain mereka berharap agar permohonan pinjaman Dana Pendidikan Tinggi dibuka kepada pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara terutama di Mesir memandangkan sebahagian besar mereka adalah pelajar biaya sendiri.

"Walaupun yuran pendaftaran pengajian adalah rendah, namun para pelajar memerlukan antara 200 hingga 300 pound Mesir untuk kos sara hidup bulanan," kata Wan Bakar. [US\$1 = 3.46 pound Mesir]

Menurutnya, sebilangan besar pelajar menyewa rumah persendirian dan menghadapi masalah besar disebabkan tiada perjanjian bertulis.

"Kerap berlaku tuan rumah menaikkan sewa tanpa notis sehingga menyebabkan pelajar terpaksa berpindah mencari tempat lain," katanya.

Semua negeri kecuali Wilayah Persekutuan mempunyai kediaman untuk pelajar masing-masing tetapi ini masih tidak dapat menampung keperluan pelajar.

Wan Bakar berkata masalah itu akan dikemukakan kepada Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed yang dijadual melawat Mesir bulan depan.

Jabatan itu sendiri menghadapi masalah kekurangan kakitangan untuk bergerak ke seluruh Mesir bagi menemui pelajar Malaysia yang menuntut di cawangan-cawangan universiti Al-Azhar di luar Kaherah.

Pada masa ini hanya ada dua pegawai termasuk Wan Bakar bertanggungjawab terhadap hampir 6,000 penuntut Malaysia di Mesir.

-- BERNAMA

azz mai